

# PENGHAYATAN NILAI MURNI DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL

*Appreciation of Positive Values in Human Capital Development  
Through Traditional Malay Literature*

NORAZIMAH BT ZAKARIA

[norazimah@fbk.upsi.edu.my](mailto:norazimah@fbk.upsi.edu.my)

Universiti Pendidikan Sultan Idris

## ABSTRAK

Nilai dan budaya Melayu menjadi asas kepada pembentukan masyarakat melalui kesusteraan Melayu tradisional. Penggunaan gaya Bahasa juga memainkan peranan yang penting sebagai satu unsur keindahan yang mendasari sesebuah karya sastera. Maka, keunikan masyarakat Melayu terletak pada kesusasteraan Melayu, nilai adat serta adat yang tinggi. Jika adab merupakan satu tata susila yang membentuk jati diri kepada bangsa itu, maka adat pula boleh diertikan dengan tata cara hidup sesuatu bangsa. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti nilai-nilai, adat dan adab budaya masyarakat Melayu berteraskan kepada kesusasteraan Melayu seperti sajak, pantun, puisi ataupun peribahasa. Aspek nilai-nilai yang dikaji boleh dilihat dan didapati dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kesusasteraan Melayu yang terkenal dengan keindahan dan kesenian yang tersendiri malah memiliki unsur-unsur intelek, tersirat dengan emosi dan perasaan, penuh dengan ekspresi dan imaginasi serta kaya dengan sifat-sifat kreativiti di samping menitikberatkan pengajaran dan maksud yang mendalam. Tambahan lagi, dengan cara inilah kesusasteraan dapat memikat pembaca. Secara khusus, nilai, budaya, adat Melayu menjadi salah satu struktur terpenting kemelayuan dalam masyarakat Melayu. Nilai bahasa dan budaya masyarakat Melayu perlu dipelihara dan dikembangkan untuk membentuk dan meneruskan masyarakat Malaysia yang harmoni dan sejahtera.

**Kata Kunci:** nilai, tatasusila, kesusasteraan, Melayu, adat

## ABSTRACT

*Values and culture form the basis of the formation of society through traditional Malay literature. The use of language style also plays an important role as an element of the underlying beauty of a work of literature. Thus, the uniqueness of the community lies in Malay literature, customs and traditional values are high. If culture is the ethic that formed the identity of the people, the customs can also be defined in the way of life of a nation. Therefore, this study was conducted to identify the values, customs and manners of Malay culture based on the Malay literature such as poem, poetry or proverbs. Aspect surveyed values can be seen and found in the life of the community. Malay literature famous for its beauty and artistry of its own but has elements of intellect, spirit and emotions and feelings, full of expression and rich imagination and creativity with properties next emphasis on teaching and profound meaning. Furthermore, this is how literature can attract readers. In particular, values, culture, indigenous Malays become one of the most important structures of Malay in the Malay community. The language and culture of the Malays must be maintained and developed to form and pursue a harmonious society and a prosperous Malaysia.*

**Keywords:** moral, manner, literature, Malay, custom

## PENDAHULUAN

Nilai boleh difahami sebagai ukuran yang diberikan oleh individu tentang sesuatu atau perlakuan, baik atau buruk, halus atau kasar, tinggi atau rendah, dan cantik atau tidak berdasarkan kepada kelaziman atau kebiasaan dalam sesuatu masyarakat. Anggota masyarakat dapat menyatakan ukuran nilai dalam menentukan sesuatu atau perlakuan berdasarkan kepada pengalaman yang diterimanya melalui proses sosialisasi. Nilai dipupuk secara berpanjangan dalam proses sosialisasi individu. Dan dalam memupuk nilai itu masyarakat menyediakan berbagai-bagai saluran, seperti keluarga, rakan-rakan sebaya, pendidikan dan kelompok masyarakat. Walau bagaimanapun, nilai-nilai sosial yang dipupuk dalam masyarakat itu mempunyai kepentingan dan keperluan yang berupa secara bersama (Wan Abdul Kadir, 2000: 4)

Nilai dalam pantun Melayu contohnya, adalah dikongsi bersama masyarakat. Sejarah dengan dunia pantun Melayu yang berada di bawah lingkungan dunia partisipatoris (penyertaan) dan dunia kolektif (*collective*) yang bermaksud pantun adalah hak milik bersama masyarakat. Ia boleh dituturkan oleh sesiapa sahaja dan tidak bersifat kepunyaan. Dalam pemupukan nilai yang ada dalam pantun, ia menjadi sudut pandangan masyarakat yang membinanya berteraskan adat dan agama. Jati diri Melayu berdasarkan bendungan kawalan sosial yang tertakluk dalam dunia kolektif masyarakat Melayu tradisi.

Contohnya, berkaitan dengan nilai adab. Dalam pantun Melayu banyak diujarkan tentang nilai adab yang perlu dipatuhi oleh masyarakat dan wujudnya pengajaran kepada masyarakat sekiranya sesuatu adab itu tidak dipatuhi. Ia mungkin akan dikenakan tekanan sosial oleh masyarakat, agama dan sistem adat itu sendiri. Maka, nilai yang baik dalam pantun Melayu boleh membentuk jati diri orang Melayu untuk menjadi lebih beradab dan baik. Contoh pantun tentang adab:

*Kalau bertanak dengan menggulai  
Mengacau gulai pecah isinya  
Kalau gelak nak jangan mengilai  
Kalau mengilai rendah budinya.*

(*Tunjuk Ajar dalam Pantun Melayu*: 84)

*Biar orang mencabut cendawan  
Kita mencabut padi kan mati  
Biar orang berebut bangsawan  
Kita berebut budi pekerti*

(*Tunjuk Ajar dalam Pantun Melayu*: 109)


Contoh pantun di atas ialah mengenai adab dan perilaku seseorang supaya tidak ketawa dengan kuat sehingga mengilai, ia memberi gambaran tentang adab yang tidak baik dan wajar dihindari. Ia bersesuaian dengan agama Islam yang melarang kita daripada sifat riak, sombong dan takbur. Sikap ketawa dengan sekuat hati dan mengilai yang digambarkan boleh menyebabkan seseorang itu mudah menjadi sombong dan riak sehingga harga dirinya menjadi rendah pada pandangan masyarakat di sekelilingnya.

Istilah “Modal Insan” atau *Human Capital* dikaitkan dengan kebolehan dan kemahiran manusia. Modal insan melahirkan individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing.

Makalah ini akan membincangkan nilai murni yang terdapat dalam teks kesusasteraan Melayu tradisional. Di antara contoh sastera Melayu tradisional ialah pantun, syair, teks *Sejarah Melayu*, *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *Hikayat Hang Tuah*. Antara objektif makalah ini ialah pertama mengenalpasti nilai-nilai murni yang dapat membangunkan modal insan dalam kesusasteraan Melayu tradisional dan kedua menghuraikan aspek nilai-nilai murni yang boleh membangunkan modal insan. Kajian nilai murni daripada teori keindahan oleh V.I Braginsky melalui sfera indah, sfera faedah dan sfera kerohanian tidak pernah dilakukan dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Namun daripada tiga sfera ini, makalah hanya akan membincangkan sfera faedah yang akan dihubungkan dengan teks sastera sejarah atau sastera adab sahaja kerana ia lebih relevan digunakan berbanding sfera indah dan sfera rohani.

## PENGKATEGORIAN KARYA SASTERA MELAYU TRADISI V. I BRAGINSKY

Peranan sastera dalam sistem sastera boleh dilihat melalui tulisan Braginsky (1994: 52-70) dalam buku *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusastraan Melayu Klasik*. Beliau telah mengkategorikan penghasilan karya oleh pengarang Melayu tradisional dalam tiga sfera iaitu sfera keindahan, sfera faedah dan sfera rohani. Ketiga-tiga sfera ini wujud dalam hierarki dengan sfera rohani menduduki kedudukan paling tinggi diikuti oleh sfera faedah dan seterusnya sfera keindahan. Berikut adalah hierarki sfera:



**Rajah 1** Pengkategorian Karya Sastera Melayu Tradisi

Ini bermakna dalam pengkategorian tersebut, Braginsky meletakkan karya-karya dalam sfera kerohanian sebagai karya yang paling baik dihasilkan oleh pengarang dan diikuti oleh karya-karya dalam sfera faedah. Karya-karya dalam sfera keindahan dianggapnya karya yang paling rendah kedudukannya. Menurut Braginsky (1994: 48) seorang pengarang berada di peringkat yang paling rendah sekiranya dia menghasilkan sebuah karya yang penuh keindahan (keindahan luaran) dan kerana itu mampu memulihkan harmoni perasaan dalam hati pembaca, dalam nafsu haiwaninya. Karya-karya dalam sfera faedah pula bertujuan menyumbang kepada intelek. Yang dipentingkan dalam sfera ini ialah cerita-cerita yang boleh merangsang akal untuk berfikir dan memberikan nasihat.

Melihat makna keindahan, kesan keindahan kepada pengarang dan khalayak makakhalayak perlu boleh memilih untuk berada di tahap indah atau faedah, dan juga boleh memilih kedua-duanya. Ia berdasarkan kepada keupayaan individu itu mencerap keindahan tersebut. Jika khalayak memilih untuk menikmati indah (indra zahir) maka ia akan terpesona dengan bentuk dan keanekaragaman serta kepelbagaiannya yang ada dalam pantun dan meninggalkan kesan gembira tetapi sekiranya individu itu memilih untuk menikmati faedah (akal rasional) maka ia akan dapat memperkuuhkan dan menyempurnakan akal fikirannya dan meninggalkan kesan kebijaksanaan.

## PENGHAYATAN NILAI MURNI MELALUI SFERA FAEDAH V. I BRAGINSKY

Di dalam sistem sastera ini terdapat tiga peringkat iaitu lingkup keindahan, lingkup faedah dan lingkup kesempurnaan rohani. Di bahagian peringkat pertama iaitu pembaca, Braginsky menggambarkan terdapat tiga fungsi yang membezakan pembaca berdasarkan bentuk genre yang dibaca. Melalui lingkup kesempurnaan rohani, bentuk genre yang diberikan adalah seperti kitab, hikayat dan syair yang perlu ditanggapi oleh pembaca melalui hati nurani kerana karya seperti ini dapat mencerahkan kalbu dan jiwa. Manakala lingkup faedah digambarkan boleh didapati oleh pembaca dalam genre bentuk hidayat, sejarah, hikayat dan syair. Genre seperti ini perlu ditanggapi oleh pembaca melalui persepsi akal kerana ia adalah karya yang mendidik dan berfaedah. Lingkup yang terendah di dalam peringkat pembaca adalah lingkup keindahan yang boleh didapati oleh pembaca di dalam genre bentuk hikayat dan syair. Genre jenis ini hanya akan menghiburkan jiwa dan memuaskan nafsu haiwani.

Dalam pembahagian tiga peringkat sfera ini, Braginsky melihat pengarang juga sama seperti pembaca atau khalayak. Seorang pengarang berada di tingkat yang paling bawah di dalam sistem sastera apabila dia banyak menggunakan struktur verbal (sistem kata atau bunyi) kerana ia hanya akan memaparkan

aspek keindahan (indah) semata-mata. Seorang pengarang itu berada dalam ruangan faedah apabila dia banyak memaparkan sistem atau idea-idea citra yang khusus (makna) dan memberi gambaran struktur mental, iaitu struktur yang akan mendidik akal budi. Seorang pengarang akan berada di tingkat yang paling tinggi dalam sistem genre sastera Melayu klasik apabila dia dekat dengan Al-Khalik dan sentiasa mencari dan mencapai kebenaran untuk mendapat kesempurnaan di dalam hidup.

Justeru, dalam sistem genre sastera Melayu klasik, diperlihatkan karya yang paling tinggi adalah karya yang dapat memenuhi fungsi rohani dan kebanyakan genre yang ditampilkan adalah seperti teks hikayat hagiografi, hikayat alegori sufi, syair berupa kitab, syair hagiografi dan syair alegori sufi. Maka, genre kedua yang hampir dengannya adalah karya dalam lingkup faedah seperti hikayat berbingkai, antologi didaktis, kronik dinasti, kronik puji-pujian, syair sejarah dan syair berupa hidayah. Kesemua genre ini berada dalam lingkup faedah. Contoh genre yang paling bawah adalah seperti hikayat petualangan ajaib, syair romantik (cinta), syair alegoris (tentang haiwan) yang berada dalam lingkup keindahan.

Melalui tahap kedua dalam tatatingkat pengkategorian sastera Melayu tradisi, sfera faedah merujuk kepada penghasilan karya-karya yang berfaedah iaitu karya yang berada dalam kategori sastera adab atau sastera sejarah. Contoh karya tersebut ialah *Hikayat Melayu*.

### **TAAT SETIA DAPAT MEMBANGUNKAN NILAI JATI DIRI DAN SEMANGAT PATRIOTIK DALAM HIKAYAT MELAYU**

“Taat setia” menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007: 1561) bermakna “tidak berlaku curang, jujur dan setia”. Dalam *Hikayat Melayu*, konsep taat setia masih lagi menebal di antara golongan yang diperintah dengan yang diperintah. Konsep taat setia ini dikaitkan dengan sifat “*supernatural*” yang wujud dalam diri seseorang pemerintah. Disebabkan unsur *supernatural* ini, maka seseorang pemerintah dapat menarik konsep taat setia rakyat terhadapnya.

Sifat “*supernatural*” di dalam *Hikayat Melayu* boleh dilihat pada sifat Sultan Abdul Jalil Syah yang bukan sahaja berketurunan daripada Iskandar Zulkarnain tetapi semasa baginda diparang oleh Megat Seri Rama, darah yang keluar daripada badannya berwarna putih. Contoh petikan (*Hikayat Melayu*, 1998: 409):

Maka Megat Seri rama pun datang, lalu berdatang sembah, katanya, “Patik derhaka, tuanku,” lalu diparangnya, kena hulu baginda, keluar darah putih, memancar seperti santan dan kulit kepala menudung ke muka...

Maka konsep taat setia yang dikaitkan dengan sifat *supernatural* ini masih lagi dikekalkan dalam *Hikayat Melayu*, apabila pengarangnya masih lagi mengekalkan beberapa episod kesetiaan rakyat kepada rajanya. Contohnya episod kesetiaan Hang Tuah kepada sultan Melaka. Konsep hubungan raja dengan hambanya yang setia. Sultan Melaka iaitu turunan dewa kayangan yang “diturunkan oleh Allah ke bumi”, berbeza dengan Hang Tuah, seorang anak keluarga miskin dari Sungai Duyung yang kelahirannya diikuti alamat-alamat ajaib, yang mengalahkan sekelompok lanun ketika masih kanak-kanak, dan namanya melambangkan nasib Melaka.

Menurut Braginsky (1994: 197), seorang raja merupakan simbol tenaga kekuasaan yang sakti dan berdaulat kerana keturunannya dari kayangan dan kerana dia dipilih oleh Tuhan. Daulat menjadikan raja sebagai tumpuan dan penjaga ketenteraman dan peraturan sosial.

Dalam *Hikayat Melayu* juga, diceritakan bagaimana Seri Bija Wangsa yang akan dijatuhkan hukuman bunuh oleh Sultan masih lagi berpegang kepada konsep taat setia kepada rajanya. Contoh petikan *Hikayat Melayu* (1998: 407):

“Dan tiada adat hamba raja Melayu derhaka dengan tuannya, dan tuanku tiada mungkir akan perjanjian dengan hambanya; dan kepada hari ini, duduk mati, berdiri mati, tidur pun aku mati. Baiklah aku disebarangkan orang adanya”. Maka lalu ia berkata, “Jikalau tiada aku takut derhaka, nescaya busuk bangkai di dalam negeri Johor, dan seorang pun tiada aku malui segala menteri di dalam Johor ini, barang siapanya, hanyalah Duli Yang Dipertuan. Itulah tuanku dunia akhirat.”

Konsep kepatuhan ini juga dikaitkan dengan kewibawaan seseorang raja selain daripada sifat “supernatural” yang dimiliki. Contohnya sifat-sifat keberanian seseorang raja. Di dalam *Sejarah Melayu* sifat keberanian raja Melaka digambarkan melalui ketokohan Sultan Alau’d-Din Ri’ayat Syah. Keberanian Sulatan Alau’d-Din Ri’ayat Syah di dalam memerangi pencuri yang menganggu ketenteraman rakyat telah menjadi contoh kepada raja-raja terkemudian untuk mempertahankan kerajaan mereka dan menjamin keselamatan hidup rakyat.

Cermin kepada sifat ketokohan raja ini tergambar di dalam keberanian raja-raja di dalam *Hikayat Melayu*. Dalam *Hikayat Melayu*, terdapat beberapa orang raja yang dilihat sangat berani mempertahankan kerajaannya dan menjaga keamanan negara. Contohnya dapat dilihat melalui watak Raja Kecil, Sultan Mahmud (Raja Buang), Raja Abdullah. Raja Kecil diperlihatkan sebagai seorang yang berani dan kebal. Semasa menyelamatkan isterinya Tengku Kamariah, telah ramai orang Bugis yang mati berperang. Contoh petikan, *Hikayat Melayu* (1998: 441):

Dan fikir orang Bugis banyak, “Tiada patut kita hendak bermati-mati oleh sebab anak bini orang. Dan jikalau ia hendak mengambil kota ini, boleh juga kita lawan. Dan akan ini orang Bugis, mati sebanyak itu mati sia-sialah sahaja, kerana baginda datang itu bersifat mati semuanya. Dan tiada dimakan tombak, dan tiada dimakan peluru pemurias.

Raja Kecil dan keturunannya yang berketurunan daripada Iskandar Zulkarnain ini mempunyai kedaulatan dan kekuatan yang tidak boleh ditandingi oleh mana-mana pihak lawan. Contohnya boleh dilihat pada kekuatan Sultan Mahmud (Raja Buang) yang hebat dalam berperang. Beliau juga telah berjaya mengusir Belanda dari Siak dan telah membunuh fetor Belanda di situ. Semasa berperang, dikatakan peluru tidak dapat menembusi dadanya, sebaliknya leper seperti emping. Contoh petikan, *Hikayat Melayu* (1998: 446):

Dan akan paduka anakanda baginda, dilindungkan baginda di belakang. Dan peluru baris, datang kepada dada baginda, menjadi emping.

Dalam *Hikayat Melayu*, Raja Abdullah juga mempunyai ilmu kebal di dalam peperangan, peluru dikatakan tidak dapat menembusi badannya sewaktu dia berperang dengan Bugis. Contoh petikan, *Hikayat Melayu* (1998: 485):

Maka segala panglima Bugis berkata, “Jangan kita dekat, inilah perahu Tengku Abdullah, saudara Yang Dipertuan Siak, raja hulubalang yang pahlawan, tiada dimakan peluru. Berapa kali sudah kena bedil kita, tiada diperdulikannya. Jikalau ia naik ke perahu kita, nescaya kita habislah dibunuhnya.”

Melalui tauladan raja-raja yang terdahulu telah mencerminkan sifat-sifat keturunan raja-raja yang terkemudian. Melalui sifat keberanian inilah yang memungkinkan rakyat berasa terjamin dan selamat apabila berada di bawah naungan pemerintahan raja mereka.

Konsep taat setia ini boleh juga dikaitkan melalui pemerintahan raja yang adil. Raja yang adil mengundang taat setia yang tidak berbelah bagi daripada rakyat. Pemerintahan raja yang zalim akan mengundang ketidaktaat setia rakyat terhadap golongan pemerintah. Hal ini telah tercermin melalui pemerintahan yang adil sewaktu pemerintahan Sultan Mansur Syah di dalam *Sejarah Melayu*. Melalui ketokohan Sultan Muzaffar Syah yang telah melaksanakan pemerintahan yang adil dengan mengorbankan perasaannya sendiri demi mengelakkan berlakunya perpecahan orang Melayu di kalangan Orang besar iaitu di pihak Seri Nara Diraja dan di pihak Paduka Raja.

Untuk mengembalikan keharmonian dan permuafakatan di antara Pembesar maka baginda telah menceraikan isterinya Tun Kudu untuk diperisterikan oleh Seri Nara Diraja di atas pertanyaan baginda ke atas Seri Nara Diraja yang menolak untuk dikahwini dengan anak Orang Kaya Hitam, Tun Ratna Sandari dan Tun Gemala sehingga Seri Nara Diraja bersetuju dengan tawaran Sultan Muzaffar Syah untuk dia memperisterikan Tun Kudu iaitu isteri Sultan Muzaffar Syah anak kepada Bendahara Seri Wak Raja iaitu saudara kepada Paduka Raja.

Tindakan nekad Sultan Muzaffar Syah menceraikan Tun Kudu telah membawa keharmonian di dalam pemerintahannya kerana melalui persefahaman di antara Seri Nara Diraja dengan Bendahara Paduka Raja melalui perkahwinan tersebut. Melalui permuafakatan dan pengorbanan yang dilakukan oleh Sultan Muzaffar Syah telah berjaya meletakkan Melaka setaraf dengan kerajaan besar yang lain seperti Majapahit dan Pasai kerana mempunyai Orang besar yang bijaksana iaitu Bendahara Paduka Raja, manakala Majapahit ialah Patih Aria Gajah Mada dan Pasai ialah Orang Kaya Raja Kenayan.

Dalam *Hikayat Melayu* sikap pemerintah seperti ini tercermin melalui watak Raja Kecil. Sewaktu baginda menyerang Johor, baginda telah menang di dalam peperangan tersebut dan orang yang telah menyerah diri kepadanya tidak dibunuh oleh baginda. Sebaliknya baginda telah meminta pendapat daripada Bendahara. Hal ini boleh dilihat melalui petikan di bawah (*Hikayat Melayu*, 1998: 429):

Akan Yang Dipertuan Besar, “Tiada aku mahu lari, kerana besar sangat dosaku membunuh ayahanda baginda. Dan baiklah aku serahkan nyawaku, mana dengan perintah Yang Dipertuan.” Maka ia pun datang, dengan tiada berbulang dan tiada berkeris, persembahkan nyawa. Maka titah baginda kepada hulubalang baginda, “tiada patut. Orang sudah menyerahkan nyawanya kepada kita, tiada patut kita bunuh.” Dan tiada dibunuh baginda.

Sifat baik Raja Kecil di dalam menangani permasalahan dengan musuhnya wajar dipuji kerana dia menjadi contoh dan teladan kepada orang suruhan dan rakyat sekaliannya. Malah Yang Dipertuan Besar diangkat menjadi Bendahara oleh Raja Kecil. Contoh petikan (*Hikayat Melayu*, 1998: 429):

Maka titah baginda kepada Bendahara, “akan sekarang, bagaimana bicara ayah, mahukah mengikut bicara sahaya?” Maka sembah Bendahara, “Mana titah patik junjung.” Titah Raja Kecil, “Dan kepada fikir sahaya, ayah hendak sahaya jadikan ayah kembali, jadi Bendahara”.

Melalui tindakan baik Raja Kecil yang tidak membunuh Bendahara dan melantiknya menjadi Bendahara semula, maka telah wujud satu perhubungan apabila Raja Kecil ingin berkahwin dengan anak Bendahara Johor. Perkahwinannya dengan Tengku Kamariah telah merapatkan hubungannya dengan kerajaan negeri Johor serta baginda telah berjaya mendapatkan haknya semula sebagai pewaris takhta yang sah di Johor. Raja Kecil bergelar Sultan Abdul Jalil Syah. Contoh petikan (*Hikayat Melayu*, 1998: 431):

Maka baginda pun dirajakan di Johor, bergelar Sultan Abdul Jalil Syah, Yang Dipertuan Besar. Dan baginda pun nikah dengan Tengku Kamariah.

Model tingkah laku raja yang baik berkesinambungan kepada keturunan Raja Kecil hasil perkahwinannya dengan Tengku Kamariah iaitu anaknya Sultan Mahmud.

Konsep taat setia ini dipupuk melalui sistem istana yang tegar dan kukuh tertanam di dalamnya unsur sakral dan suci yang lahir dari penitisan darah keturunan diraja yang berasal dari raja tiga beradik dan seterusnya melalui wa’adat. Maka melalui peribadi raja yang mempunyai unsur “supernatural” dan sebagai pemerintah yang adil dalam pemerintahannya telah dapat menarik konsep taat setia di kalangan rakyat jelata. Raja yang adil akan disayangi rakyat. Rakyat sentiasa mendoakan kesejahteraan hidup kepada raja yang adil.

Hal ini berlawanan apabila seseorang raja itu menunjukkan perilaku dan pemerintahan yang tidak adil, maka rakyat akan cenderung untuk menderhaka. Model kezaliman raja dan ketidakadilan di dalam pemerintahan tercermin melalui watak Sultan Mahmud Syah di dalam *Sejarah Melayu*. Akibat kezaliman itu, maka konsep taat setia rakyat tidak mungkin wujud melainkan akan wujud ketidaktereman dan ketidaksetiaan rakyat terhadap rajanya.

Model tingkah laku raja yang tidak cekap di dalam pemerintahan turut diperikan oleh Tengku Said di dalam teks *Hikayat Melayu* melalui pengulangan penceritaan terhadap episod tersebut. Kezaliman Sultan Mahmud dan ketidakcekapan memerintah kerajaan telah menyebabkan kerajaan yang diperintahnya hancur diperangi oleh musuh.

Dalam membicarakan konsep taat setia ini, dalam teks *Hikayat Melayu*, faktor keturunan seseorang pemerintah memainkan peranan yang amat besar untuk menarik konsep taat setia ini. Tengku Said mencerminkan sifat taat setia ini dalam dua keadaan. Pertama konsep taat setia di antara rakyat dengan pemerintah dan kedua taat setia di antara hubungan bapa dengan anak. Di dalam pemaparan episod susur galur keturunan Raja Kecil yang mempunyai dua orang anak, iaitu Tengku Mahmud dan Raja Alam maka Tengku Said telah memerikan suatu kisah yang panjang mengenai kerajaan Siak apabila konsep taat setia itu dilanggar sehingga telah menyebabkan berlakunya perebutan kuasa. Hal ini berlaku kerana pelantikan Tengku Mahmud sebagai Yang Dipertuan Besar di dalam Siak kerana dia adalah anak gahara tidak dipersetujui oleh Raja Alam.

Konsep taat setia ini bukan sahaja bermakna kepatuhan rakyat terhadap rajanya tetapi kepatuhan seorang anak terhadap perintah ayahandanya. Raja Alam dilihat sebagai seorang yang tidak mempunyai nilai taat setia terhadap perintah Raja Kecil yang telah melantik Tengku Mahmud sebagai Yang Dipertuan Besar Siak dengan melakukan kekacauan dan telah mencetuskan perang saudara sehingga menyebabkan berlakunya perpecahan di kalangan masyarakat.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* jati diri bermaksud sifat atau ciri yang unik dan istimewa (dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya) yg menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa dan sebagainya, identiti: pembinaan negara Malaysia lebih berteraskan kekuatan bangsa dan semangat patriotik yg utuh. Setelah sekian lama, pemupukan nilai jati diri telah dilakukan oleh masyarakat Melayu tradisi dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Terkandung di dalam genre kesusasteraan Melayu tradisional peri adab dan nilai dalam masyarakat Melayu yang harus dipatuhi dan telah menjadi suatu konvensi yang dipersetujui bersama. Maka, nilai taat setia yang terkandung di dalam *Hikayat Melayu* berfaedah kepada masyarakat untuk membangunkan semangat patriotik dan jati diri mereka terhadap ketuanan Melayu dan pemerintah. Teks *Hikayat Melayu* boleh menjadi panduan dalam memerihalkan model tingkah laku dan akhlak yang baik kepada pelajar dan masyarakat terutamanya dalam memenuhi konsep taat dan patuh kepada ibu bapa, negara dan suruhan agama. Seperti kata pepatah “Berbuat baik di balas baik” begitulah sebaliknya.

## KESIMPULAN

*Hikayat Melayu* adalah teks cermin dan sebuah karya adab. Genre “adab” merupakan suatu bentuk karya sastera yang telah berakar umbi dalam kesusasteraan Arab sejak zaman pra-Islam lagi. Secara umum, tradisi adab bermaksud karya-karya yang memberi panduan tentang tingkah laku dan moral manusia, akhlak yang murni dan berperibadi mulia, yang disampaikan melalui cerita-cerita nasihat dan teladan. Dalam genre ini, raja-raja dan para pembesar negara diberi pelbagai nasihat dan panduan oleh para penasihat dan sasterawan atau sejarawan istana melalui petikan cerita-cerita sejarah, didaktik, hikayat, agama dan sebagainya, sebagai ikhtibar dan pedoman untuk mereka melaksanakan urusan pemerintahan negeri dengan adil dan bijaksana (Jelani Harun, 2003: 12).

Petikan di atas adalah adab mengenai teks, yang mana teks sebagai berfaedah. Menurut Braginsky (1998: 140), dalam tradisi Melayu, “faedah” atau “manfaat” itu dipandang sebagai pengajaran, hikmah atau bererti didaktik yang tersembunyi di dalam peristiwa dan kejadian sejarah. Namun adab sebagai seorang pengarang sastera Melayu tradisi ialah, dia tidak menuntut nama atau kemasyhuran. Pengarang muahu memperlihatkan kepada khalayak bahawa dia ialah fakir yang kerdil, makhluk yang serba kekurangan. Dia hanyalah perantara untuk menyampaikan ajaran dan nilai-nilai Islam, cara perlakuan yang direstui dan sifat-sifat manusia yang baik (Muhammad Haji Salleh, 2000: 205).

Konklusinya, nilai keindahan dan pengajaran yang terdapat dalam kesusasteraan Melayu tradisional menjadi suatu wadah sumber hiburan dan pemikiran masyarakat Melayu tradisi. Pemupukan nilai jati diri dalam *Hikayat Melayu* contohnya nilai “taat setia” dapat menunjukkan perilaku tentang cara bagaimana masyarakat Melayu beradab walaupun merentasi zaman. Walaupun *Hikayat Melayu* terdapat sumber hiburan yang dapat menancap mata indera seperti sifat *supernatural* namun ia juga penuh dengan sumber sfera faedah yang terkandung di dalamnya unsur-unsur didaktik dan pengajaran kepada khalayak pendengar. Justeru, orientasi nilai jati diri dalam *Hikayat Melayu* adalah terdiri daripada adat dan Islam sebagai sumber nilai, dan kedua hidup beragama, bermasyarakat dan berkeluarga yang melingungi masyarakat Melayu tradisi dan dibendungi oleh sistem konvensional yang menuntut masyarakat tradisi

patuh kepada norma-norma yang baik dalam masyarakat. Maka kepatuhan kepada nilai yang ada dalam tradisi menjadikan nilai taat setia dalam masyarakat Melayu masih utuh sehingga kini terutamanya dalam mendidik anak-anak kecil sehingga remaja dengan merujuk kepada sastera tradisi seperti *Hikayat Melayu* supaya tertanam dalam pemikiran mereka semangat patriotik yang utuh dan tidak berbelah bahagi kepada pemerintah di samping mempunyai jati diri yang kukuh.

Justeru, nilai murni seperti taat setia yang dijadikan panduan melalui teks kesusasteraan Melayu tradisional ini secara tidak langsung akan dapat membangunkan nilai insan dalam diri pelajar khususnya di samping dapat mengetengahkan kembali teks kesusasteraan Melayu tradisional yang makin dilupakan. Kesusasteraan Melayu tradisional merupakan lambang jati diri bangsa Melayu dan warisan cara hidup Melayu yang tidak boleh dilupakan kerana terkandung di dalamnya panduan adab dan tingkah laku yang wajar dijadikan panduan sebagai membentuk akhlak dan peribadi yang baik selaras dengan pembangunan negara dalam mencapai modal insan yang seimbang dari segi aspek rohani, jasmani dan intelektual.

## **RUJUKAN**

- Aidh bin Abdullah Al-Qarni. (2011). *La Tahzan*. Noraine Abu (peny). Selangor: Al-Hidayah Publications.
- A.Halim Ali, Mana Sikana & Mohd Rosli Saludin. (2011). *Prosiding Sastera Membina Peradaban Bangsa*. Budiman Malaysia.
- Braginsky V.I. (1994). *Nada-nada Islam dalam sastera Melayu klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky V.I. (1994). *Erti keindahan dan keindahan erti dalam kesusasteraan Melayu klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky V.I. (1998). *Yang indah, berfaedah dan kamal: Sejarah sastera Melayu dalam abad 7-19*. Jakarta Inis.
- Harun Mat Piah et.al. (2000). *Kesusasteraan Melayu tradisional edisi kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hikayat Melayu*. (1998). Muhammad Yusof Hashim (peny). Melaka: IKSE.
- Hikayat Merong Mahawangsa* (1991). Siti Hawa Salleh. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Jelani Harun. (2003). *Pemikiran Adab Ketatanegaraan kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koster, G.L. (1997). *Roaming through seductive gardens*. Leiden: KITLV Press.
- Muhammad Hj Salleh. (2000). *Puitika sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazimah bt Zakaria. (2011). *Kajian teks Hikayat Melayu versi Tengku Said*. Universiti Malaya (PhD).
- Tenas Effendy. (2004). *Tunjuk ajar dalam pantun Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu.
- Wan Abdul Kadir. (2000). *Tradisi dan perubahan norma dan nilai di kalangan orang-orang Melayu*. Masfami Enterprise.